


## CARTA ALIR PENGURUSAN PELAJAR POSITIF COVID-19 UNIVERSITI MALAYA



## **PROSEDUR PENGURUSAN PELAJAR POSITIF COVID-19 UNIVERSITI MALAYA**

### **1. Pelajar Positif COVID-19**

- a. Pelajar yang telah disahkan positif COVID-19 hendaklah dengan segera mengemaskini status di aplikasi MySejahtera. Screenshot tempoh *Home Surveillance Order* yang diberikan untuk rekod dan lakukan Home Assessment Tool seperti diarahkan MySejahtera.
- b. WAJIB melaporkan status Risiko COVID-19 di dalam ‘Google Form’ melalui pautan <https://forms.gle/h6HX5UGYhg4FibD28> atau imbas kod QR berikut:



- c. Pelajar yang tinggal di kolej kediaman hendaklah memaklumkan status positif COVID-19 kepada pengurusan kolej kediaman (wakil pelajar/Pengurus Kolej Kediaman) dan pihak fakulti (pegawai bertanggungjawab yang ditetapkan oleh fakulti/OSHE).
- d. Pelajar luar kampus hendaklah segera memaklumkan status positif COVID-19 kepada pihak fakulti.

### **2. Pengurusan Kolej Kediaman dan Klinik UM**

- a. Pengurusan kolej kediaman hendaklah menguruskan penempatan kuarantin bagi pelajar yang tinggal di dalam kampus.
- b. Pelajar luar kampus perlu kuarantin di kediaman sendiri atau rumah sewa.
- c. Klinik UM akan memberikan khidmat nasihat dan bantuan kesihatan yang diperlukan.

### **3. Pengurusan Fakulti**

- a. Pihak pengurusan fakulti hendaklah menetapkan staf yang perlu dihubungi untuk urusan berkaitan COVID-19 dan membuat hebahan di fakulti.
- b. Meminta kontak rapat yang bergejala di fakulti menjalankan ujian kendiri COVID-19.
- c. Mengenalpasti keperluan untuk disinfeksi dan pembersihan.
- d. Pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti biasa.

### **4. Kerja Pembersihan dan Disinfeksi**

- a. Kerja-kerja disinfeksi hanya perlu dijalankan sekiranya pelajar positif berada di fakulti dalam tempoh kurang 24 jam selepas disahkan positif COVID-19.
- b. Pihak fakulti boleh menjalankan disinfeksi secara kendiri atau membuat permohonan kepada OSHE.
- c. Ruang hanya perlu ditutup selama 10-30 minit sebelum digunakan semula.

d. Sekiranya pelajar positif berada di fakulti dalam tempoh lebih 24 jam selepas disahkan positif COVID-19, tidak perlu menjalankan disinfeksi, hanya perlu membuat permbersihan seperti biasa.

## **5. Tamat Kuarantin**

- a. Setelah tamat kuarantin, pelajar boleh pulang ke kolej kediaman asal (jika tinggal dalam kampus)
- b. Menghadiri kelas seperti biasa